

B U L E T I N

# MPAJ

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA



## MAJLIS LAMBAIAN KASIH Y. BHG. DATO' HJ. ABD. HAMID BIN HUSSAIN (2002 - 2020)

Bersempena dengan perpindahan  
Y. Bhg. Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain  
ke Majlis Perbandaran Sepang bermula  
1 September 2020

20

## MAJLIS PENYERAHAN NOTA SERAH TUGAS YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Bersempena dengan pelantikan Yang Dipertua  
MPAJ yang ke-8, Majlis Penyerahan Nota Serah  
Tugas telah diadakan pada 2 September 2020

14

BIL 2/2020



Facebook: Majlis Perbandaran Ampang Jaya - Rasmi



twitter.com/mpj.ampangjaya



hotline/mpaj.gov.my

B U L E T I N

# MPAJ



MAJLISPERBANDARAN AMPANG JAYA

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

Y.Bhg. Tuan Mohd Fauzi  
bin Mohd Yatim SMS  
Yang Dipertua

### PENASIHAT

Tn. Hj. Hasrolnizam  
bin Shaari AMS  
Timbalan Yang Dipertua

### KETUA EDITOR

Pn. Rosliza bt.  
Mohd PPT  
Pegawai Jabatan  
Perancangan Korporat

### SIDANG EDITOR

- En. Mohamad Fareez bin  
Normanshah  
- Cik Izzati Husna bt. Ismail

### PEMBANTU PENERBITAN

Pn. Normali bt. Noordin

### FOTOGRAFI

En. Muhammad Mustaqim  
Siddiq bin Tahwil Azar



Talian Utama (Operator)	03 - 4296 8000
Faksimile	03 - 4290 8050 / 8060
Hoffine (24 Jam)	03 - 4296 8100
Talian Bebas Tol Aduan	1 - 800 - 22 - 8100
Pantas (Bencana Alam 24 Jam)	03 - 4280 9050
Kaunter Khidmat Pelanggan	03 - 4285 7046
• Kaunter Pertanyaan	03 - 4285 7357
• Kaunter Eksekutif Pelanggan	
Pejabat Yang Dipertua	03 - 4285 7090
Pejabat Timbalan Yang Dipertua / Sefiausaha	03 - 4285 7099
Jabatan Perbendaharaan	03 - 4285 7004
Jabatan Perancangan Korporat	03 - 4285 7477
Jabatan Penguatkuasa	03 - 4285 7024
• Stor	03 - 4285 7025
• Trafik	03 - 4285 7325
Jabatan Belia, Masyarakat & Landskap	03 - 4285 7012
Jabatan Bangunan & Senibina	03 - 4285 7009
Jabatan Perancang Bandar	03 - 4285 7008
Jabatan Kejuruteraan	03 - 4285 7300
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	03 - 4285 7072
Jabatan Pelesenan	03 - 4285 7344
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam	03 - 4285 7044
Jabatan Kesihatan, Alam Sekitar & Penjaja	03 - 4285 7007
Jabatan Khidmat Pengurusan	03 - 4285 7037
Jabatan Undang-Undang	03 - 4285 7016
Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)	03 - 4285 7110
Bahagian Pusat Khidmat Sefempat (OSC Pembangunan)	03 - 4285 7102
Bahagian Perhubungan Awam & Sekretariat	03 - 4285 7433
Bahagian Ukur Bahan	03 - 4285 7444
Bahagian Audit Dalam	03 - 4285 7188
Bahagian Integriti	03 - 4285 7407



# Sumbangan Aidilfitri Daripada Menteri Besar Selangor

Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor telah mengagihkan 2,000 bantuan sempena menyambut Aidilfitri kepada golongan memerlukan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Hulu Klang. Majlis penyerahan berlangsung pada 20 Mei 2020 di Dewan AU2, Keramat dengan pematuhan SOP seperti digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Bantuan ini diharap dapat meringankan beban rakyat yang terkesan dengan Covid-19 untuk menyambut Aidilfitri. Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain, Yang Dipertua MPAJ turut hadir mengiringi Dato' Menteri Besar.



## Aidilfitri Donations From Selangor's Chief Minister

2,000 donations were distributed to the needy at Hulu Klang by Y.A.B. Dato' Seri Amirudin Bin Shari, Chief Minister of Selangor in conjunction with Aidilfitri. The handover ceremony took place on 20 May 2020 at Dewan AU2, Keramat with SOP in place as outlined by the National Security Council (MKN). It is hoped that these donations will ease the burden of the people affected by Covid-19 to celebrate Aidilfitri. Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain, MPAJ's President was also present.



## LAWATAN TAPAK KE KAWASAN PERGERAKAN TANAH @ JALAN KELAB UKAY 4, TAMAN KELAB UKAY, BUKIT ANTARABANGSA

SUSULAN daripada kejadian pencerakan tanah di Jalan Kelab Ukay 4, Taman Kelab Ukay pada 30 Mei 2020 yang menjejaskan tujuh rumah membebankan kira-kira 40 penghuni, Dato' Menteri Besar Selangor telah mengadakan lawatan tapak. Y.A.B.

Dato' Seri Amirudin Bin Shari (ringi) oleh Yang Dipertua MPAJ, Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain, Pegawai Daerah Gombak, Dato' Aminul Anizan bin Abd. Rahim, dan pegawai-pegawai daripada agensi-agensi yang berkaitan seperti Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pejabat Tanah dan Daerah Gombak, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Mineral dan Geosains, serta Pejabat Penghulu Daerah Gombak. Kerja-kerja pembalakan tebing anak Sungai Sering dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) manakala penyelesaian cerun tanah dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menggunakan peruntukan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Turut melawat tapak pada hari tersebut adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Antarabangsa merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, serta Ahli Parlimen Ampang merangkap Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin.



### SITE VISIT TO EROSION AREA @ JALAN KELAB UKAY 4, TAMAN KELAB UKAY, BUKIT ANTARABANGSA

SELANGOR Chief Minister paid a visit to the erosion area at Jalan Kelab Ukay 4, Taman Kelab Ukay on 30 May 2020 that affected 7 houses involving 40 residents. Y.A.B. Dato' Seri Amirudin Bin Shari accompanied by MPAJ's President, Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain, Gombak District Officer, Dato' Amirul Anizan bin Abd. Rahim, and officials from related agencies that were Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ), Department of Irrigation and Drainage (JPS), Gombak Land and District Office, Fire and Rescue Department, Geoscience and Mineral Department, and Pejabat Penghulu Daerah Gombak. Sungai Sering's river bank repair work is done by Department of Irrigation and Drainage while slope maintenance is done by MPAJ using budget from Ministry of Housing and Local Government (KPKT).



Also visited the site on the same day were Bukit Antarabangsa Assemblyman cum Minister of international trade and industry (MITI), Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, and Ampang Parliament Member cum Minister of Housing and Local Council, YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin.

**PEMBENTANGAN DAN SESI SOAL JAWAB PROGRAM INOVASI SOSIAL MALAYSIA (MySI), MOSTI 2020**

PADA 1 Jun 2020 telah berlangsung sesi penilaian projek 'Formulated Matikus' oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Produk yang dihasilkan oleh kumpulan Rat Busters daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal MPAJ ini adalah produk inovasi sosial yang mampu memberi penyelesaian kepada masalah tikus di kawasan kediaman dan premis perniagaan. Sesi pembentangan dan soal jawab telah berlangsung secara maya melalui aplikasi Skype. Semoga produk ini berjaya mendapat pengiktirafan yang terbaik daripada pihak MOSTI



**PRESENTATION FOR MALAYSIA SOCIAL INNOVATION (MySI), MOSTI 2020**

*RAT Busters team from MPAJ presented their innovation product named 'Formulated Matikus' on 1 June 2020 for Malaysia Social Innovation (MySI) hosted by Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). The social innovation invented by MPAJ's Solid Waste Management Department provide total solution to rat problems in housing area and business premises. Presentation and question & answer session was held virtually via Skype application. Hope this product will succeed in getting the best recognition from MOSTI*



## BENGGKEL PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK 2021-2025 MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)

SELAIN dengan keperluan membangunkan Pelan Strategik MPAJ yang baharu, MPAJ telah memohon tunjuk ajar daripada Encik Che Wan Muhammed Salleh bin Wan Adnan daripada Sekretariat Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya, Jabatan Perdana Menteri. Deputi yang pernah bertugas dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) mempunyai pengalaman dan kemahiran tinggi dalam pembangunan pelan strategik organisasi. Seramai 30 orang kakitangan MPAJ yang mewakili jabatan dan bahagian masing-masing telah menghadiri Bengkel Pembangunan Pelan Strategik 2021-2025 6 hingga 7 Julai 2020 bertempat di Auditorium aras 5, Menara MPAJ.

### DEVELOPMENT WORKSHOP OF AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL (MPAJ) STRATEGIC PLAN 2021-2025

*ALIGN with the requirement to develop our new strategic plan, MPAJ request for guidance from Encik Che Wan Muhammed Salleh bin Wan Adnan who is currently working with Secretariat to the System Improvement and Election Law Special Committee, Prime Minister's Office. Experience working with Malaysian Administrative Modernization and Management Planning Unit (MAMPU) provide him with high expertise and experience in strategic planning development. 30 MPAJ's officials representing internal departments participated in the 2-day workshop from 6 until 7 July 2020 at Auditorium, Menara MPAJ.*





## Majlis Bacaan Yasin Dan Tahlil Sempena Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Majlis Perbandaran Ampang Jaya Ke -28

TELAH berlangsung majlis bacaan yasin dan tahlil pada 1 Julai 2020 bertempat di Auditorium Menara MPAJ sempena sambutan ulang tahun penubuhan MPAJ ke-28. Majlis yang dihadiri oleh Y.Bhg. Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain, Yang Dipertua MPAJ turut disertai oleh Tuan Hj. Hasrolnizam bin Shaah, Timbalan Yang Dipertua, barisan ahli majlis, ketua jabatan dan sebahagian warga


kerja MPAJ mengikut SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Majlis disertai dengan tazkirah yang disampaikan oleh PU Amin berkaitan kerja berpasukan dalam satu organisasi. Semoga MPAJ terus dirahmati dan dikurniakan kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatan.



### Ampang Jaya Municipal Council's 28th Anniversary Celebration

RECITATION of yasin and tahlil in conjunction with MPAJ's 28th anniversary celebration was held on 1 July 2020 at Auditorium Menara MPAJ. Present were Y.Bhg. Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain, MPAJ's President; Tuan Hj. Hasrolnizam bin Shaah, MPAJ's Vice President, councillors, head of departments, and a few employees based on SOP by National Security Council (MKN). PU Amin was invited to deliver a talk on team work in organization. May MPAJ continue to be blessed and endowed with excellence in service delivery.





MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
**PASAR PAGI TAMAN MUDA**  
 PERSATUAN PENJAJA DAN PENJAJA KECIL TAMAN MUDA, SELANGOR.  
 BERSEKUTUAN MENDAPATKAN KEHIDUPAN BERKUALITI

## LAWATAN TAPAK

### YB NG SZE HAN KE PASAR PAGI TAMAN MUDA

YB Ng Sze Han telah mengadakan lawatan ke pasar pagi Taman Muda pada 19 Jun 2020. Pasar malam dan pasar pagi Malaysia yang ditutup bermula 18 Mac 2020 telah dibenarkan untuk beroperasi mengikut SOP yang ditetapkan pada 15 Jun 2020. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam Dan Pembangunan Kampung Baru, YB Ng Sze Han menyatakan bahawa lebih banyak pasar malam dan pasar pagi yang akan memulakan operasi. Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah melancarkan inisiatif "BELI" untuk mengingatkan orang ramai agar mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Inisiatif menggalakkan orang awam untuk beratur serta mengutamakan pengurangan trafik, menggunakan mod pembayaran e-wallet, mempercepatkan proses membeli barangan, dan menggunakan aplikasi Selangkah. Turut hadir semasa lawatan adalah YB Tuan Lai Wei Chong, Ahli Dewan Undangan Negeri Teratai, Tuan Hj. Hasrolizam bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua MPAJ, ahli majlis dan pegawai MPAJ.



### VISIT BY YB. NG SZE HAN TO TAMAN MUDA'S MORNING MARKET

YB Ng Sze Han visited Taman Muda's morning market on 19 June 2020. Night and morning markets in Malaysia that have been shut since 18 March 2020, were allowed to operate from 15 June 2020 after ensuring the standard operating procedure (SOP) was in place. The Selangor local government, public transport and new village development committee chairman, YB Ng Sze Han said more morning and night markets were scheduled to start operations. The Selangor state government has launched the "BELI" initiative to remind visitors of the new guidelines. The initiative is aimed at encouraging people to line up and practice social distancing, opt for e-wallets as a mode of payment, speed up the shopping process as well as use the Selangkah system. Also present were YB Tuan Lai Wei Chong, Teratai Assemblyman, Tuan Hj. Hasrolizam bin Shaari, Vice President of MPAJ, MPAJ's council members and officials.





## PERJUMPAAN BERSAMA AHLI PARLIMEN PANDAN, DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL

SATU perjumpaan antara Ahli Parlimen Pandan, Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail dengan pengurusan tertinggi MPAJ telah berlangsung pada 24 Julai 2020 di Menara MPAJ. Beberapa isu dan aduan melibatkan kawasan Parlimen Pandan telah

dibincangkan bersama bagi memberi keselesaan kepada penduduk setempat. Beberapa tindakan jangka pendek dan perancangan jangka panjang telah dirangka secara bersama. Sesi perjumpaan turut dihadiri oleh Y.Bhg. Dato' Hj. Abd. Hamid bin

Hussain, Yang Dipertua MPAJ; Tuan Hj. Hasrolnizam bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua; ahli majlis kawasan; ketua-ketua jabatan dalam MPAJ; serta pegawai-pegawai daripada Pusat Khidmat Parlimen Pandan.

## MEETING WITH PANDAN PARLIAMENT MEMBER, DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL

A meeting between Pandan Parliament Member, Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail with the top level management of MPAJ was held on 24 July 2020 at Menara MPAJ. Issues and complaints in Pandan area were discussed to provide solutions to local residents. Short term actions and long term planning were laid out. Discussion involved Y.Bhg. Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain, President of MPAJ; Tuan Hj. Hasrolnizam bin Shaari, Vice President; councilors in Pandan area, MPAJ's internal head of departments, and officials from Pandan Parliament office.





## Lawatan Turun Padang Bersama Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor Ke Parlimen Gombak

YAB Dato' Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah mengadakan lawatan turun padang ke Parlimen Gombak pada 30 Julai 2020. Lawatan turun padang dan pemberian sumbangan oleh YAB Dato' Menteri Besar telah berlangsung di Dewan Pangasapuri Beretribung Indah, Dewan SKJ1 Taman Melawati dan

Masjid Al-Hidayah Taman Melawati. Turut hadir Orang Besar Daerah (OBD) Gombak, Y.A.D. Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood Bin Pa'wan Teh, Timbalan Yang Dipertua MPAJ, Tuan Hj. Hasroliqam bin Shari, dan pegawai-pegawai MPAJ.

## Selangor's Chief Minister Field Trip To Gombak Parliament

YAB Dato' Amirudin bin Shari, Selangor's Chief Minister visited Gombak Parliament on 30 July 2020. The field trip and donation distribution by YAB Chief Minister was held at a few locations that were Dewan Pangasapuri Beretribung Indah, Dewan SKJ1 Taman Melawati and Masjid Al-Hidayah Taman Melawati. Also present were Orang Besar Daerah (OBD) Gombak, Y.A.D. Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood Bin Pa'wan Teh, MPAJ's Vice President, Tuan Hj. Hasroliqam bin Shari, and MPAJ's officials.





## SEMINAR PENGURUSAN STRATA 2020 ANJURAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

SERAMAI 126 peserta telah menyertai Seminar Pengurusan Strata 2020 pada 6 Ogos 2020 bertempat di Hotel De Palma, Ampang. Objektif pengajuran Seminar Pengurusan Strata adalah memberi pengetahuan dan meningkatkan kesedaran mengenai aspek-aspek penting berkaitan perumahan berstrata. Ia memberi peluang kepada semua pihak berkepentingan memahami dengan lebih mendalam mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan unit kediaman bertingkat. Penceramah yang berkecuali pada hari tersebut adalah Sr. Adzman Shah bin Mohd Ariffin, Institut Pengurus Kemudahan dan Hartanah Malaysia (MIPFM), En. Rozaini bin Nizar, Firdaus & Associates Property Professionals Sdn Bhd; En. Abang Ibrahim bin Abdul Rahman, Gamuda Industrial Building System Sdn Bhd; dan En. Shahril bin Omar, Ketua Bahagian Pesuruhjaya Bangunan, Majlis Perbandaran Kajang.



## STRATA MANAGEMENT SEMINAR 2020 BY AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL

126 people participated in the Strata Management Seminar 2020 on 6 August 2020 at Hotel De Palma, Ampang. The objective is to provide knowledge and increase awareness on strata housing. It provides an opportunity for all stakeholders to understand more deeply about matters related to multi-storey residential units. Speakers of the day were Sr. Adzman Shah bin Mohd Ariffin, Malaysian Institute of Property and Facility Managers (MIPFM); En. Rozaini bin Nizar, Firdaus & Associates Property Professionals Sdn Bhd; En. Abang Ibrahim bin Abdul Rahman, Gamuda Industrial Building System Sdn Bhd; and En. Shahril bin Omar, Head of Commissioner of Building, Kajang Municipal Council.



## MAJLIS PENYERAHAN NOTA SERAH TUGAS YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

BERSEMPENA dengan perantukan Yang Dipertua MPAJ yang ke-8, Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas telah diadakan pada 2 September 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Bunga Tanjung, Menara MPAJ. Kebbsan Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim selaku Yang Dipertua MPAJ yang baharu disambut dengan pemeriksaan perbarisan kawalan kehormat anggota penguatkuasa. Langkah selamat Tuan Mohd Fauzi ke Menara MPAJ dimulakan dengan upacara simbolik pendaftaran masuk bekerja hari pertama menggunakan Sistem Kedatangan Biometrik MPAJ. Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas disempurnakan antara mantan YDP MPAJ, Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain dan YDP MPAJ yang baharu, Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim. Majlis turut diserikan dengan kehadiran 6 orang ketua jabatan Majlis Perbandaran Sepang yang secara simboliknya mengimigii Tuan Mohd Fauzi ke Menara MPAJ. Semoga MPAJ terus cemerlang dan gemilang di bawah pentadbiran Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim.

### AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL PRESIDENT'S SUBMISSION OF DUTIES CEREMONY

*In conjunction with the appointment of our 8th President, Submission of Duties Ceremony was held on 2 September 2020 at Bilik Mesyuarat Bunga Tanjung, Menara MPAJ. The arrival of Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim as the new President was welcomed by inspection of honorary parade. His first step to Menara MPAJ was started with a symbolic clock-in by using Biometric Attendance System. The Submission of Duties Ceremony was performed between MPAJ's ex-President, Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain and our newly appointed President, Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim. The ceremony was also attended by 6 head of departments from Sepang Municipal Council. May MPAJ continue to excel and shine under the administration of Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim.*





**MAJLIS PENGAKUAN  
MENERIMA JAWATAN  
(ANGKAT SUMPAH)  
YANG DIPERTUA, MAJLIS  
PERBANDARAN AMPANG JAYA  
SEBAGAI AHLI MAJLIS**

TUAN Mohd Fauzi bin Mohd Yatim yang telah secara rasminya dilantik sebagai Yang Dipertua MPAJ pada 1 September 2020 telah menyempurnakan majlis pengakuan menerima jawatan (angkat sumpah) sebagai ahli majlis pada 8 September 2020. Majlis angkat sumpah tersebut telah dihadiri oleh Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak; Dato' Seri Dr Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail, Ahli Parlimen Pandan, YB Tuan Haji Saari bin Sungib, Ahli Dewan Undangan Negeri Hulu Kelang; bersama ahli majlis MPAJ; ketua jabatan dalaman dan rakan-rakan media. Di dalam ucapan sulungnya, Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim telah menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pertadbiran Kerajaan Negeri Selangor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor, di atas kepercayaan menantik beliau sebagai Yang Dipertua MPAJ yang ke-8. Sebagai Yang Dipertua MPAJ yang baharu, moto perkhidmatan beliau adalah "Tegas Tetapi Bertimbang".



**SWEARING-IN CEREMONY OF  
THE NEWLY APPOINTED MPAJ'S  
PRESIDENT AS COUNCILOR**

TUAN Mohd Fauzi bin Mohd Yatim who was officially appointed as MPAJ's President on 1st September 2020 has completed the swearing-in ceremony as councilor on 8 September 2020. The swearing-in ceremony was attended by Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak; Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail, Pandan Member of Parliament, YB Tuan Haji Saari bin Sungib, Hulu Kelang Assemblyman, MPAJ's councilors, internal head of departments, and reporters. In his speech, Tuan Mohd Fauzi has expressed his appreciation to the administration of the Selangor State Government under the leadership of YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Chief Minister of Selangor, on his appointment as the 8th President of MPAJ. As the new president, his motto is "Firm But Prudent".





## MAJLIS DIALOG KESEJAHTERAAN TERTUTUP KG PANDAN DALAM

MAJLIS Pengurusan Komuniti Kg. Pandan Dalam (MPKK) telah menganjurkan Majlis Dialog Kesejahteraan Tertutup Kg. Pandan Dalam bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan badan-badan kerajaan pada 8 Ogos 2020 bertempat di Auditorium Aras 5, Menara MPAJ. Majlis dialog telah dirasmikan oleh Y.B. Tuan Ir Izham bin Hashim, ahli dewan undangan negeri (ADUN) Pandan Indah yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Telap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan

Pertanian dan Industri Asas Tani, Negeri Selangor. Borisan panel bagi majlis dialog tersebut adalah Y.B. Tuan Ir Izham bin Hashim; ADUN Pandan Indah; Y.Bhg. Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain, Yang Dipertua MPAJ; Tuan Mohd Anis bin Ismail, ahli majlis MPAJ; wakil Ibu Pejabat Polis Daerah Ampang Jaya; wakil Balai Bomba Pandan Indah; wakil Jabatan Imigresen Malaysia; wakil Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat; serta beberapa agensi kerajaan lain.



### KG PANDAN DALAM DIALOGUE SESSION

KG. PANDAN Dalam's Community Management Council hosted a dialogue session between non-governmental organization (NGO) and government agencies on 8 August 2020 at Auditorium Level 5, Menara MPAJ. The dialogue session was officiated by Y.B. Tuan Ir Izham bin Hashim, Pandan Indah Assemblyman cum Chairman of the Standing Committee on Infrastructure and Public Facilities, Agriculture Modernization and Agro-based Industry, Selangor. Present as panels were Y.B. Tuan Ir Izham bin Hashim, Pandan Indah Assemblyman, Y.Bhg. Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain, MPAJ's President, Tuan Mohd Anis bin Ismail, MPAJ's councillor, representative from Ampang Jaya District Police Headquarters, Pandan Indah Fire Station, Malaysia Immigration Department, Hulu Langat District and Land Office, and other related government agencies.







# KARNIVAL KERJAYA PANDAN TAHUN 2020

KARNIVAL Kerjaya Pandan telah dianjurkan pada 9 Ogos 2020 menawarkan 500 peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor. Karnival panduan kerjaya yang berlangsung selama sehari itu mensasarkan bantuan kepada individu yang kehilangan punca pendapatan memulakan semula kerjaya mereka di samping membantu pencari pekerjaan bertemu majikan yang bersesuaian. Karnival menyediakan sesi temuduga, taklimat majikan, bengkel perbezaan resume, khidmat nasihat pekerjaan, perkhidmatan kaunseling dan rundingan pengurusan kawasan. Peserta juga layak mendaftar dengan inisiatif Peduli Rakyat anjuran Kerajaan Negeri Selangor. Karnival Kerja Pandan 2020 yang berlangsung di Pusat Membeli Belah Midpoint, Pandan Indah telah dirasmikan oleh Ahli Parlimen Pandan, Dato' Seri Dr Wan Azizah binti Wan Ismail. Turut hadir Yang Dipertua MPAJ, Dato' Hj. Abu Hamid bin Hussain.



## THE 2020 PANDAN JOB FAIR

THE 2020 Pandan Job Fair is being held on 9 August 2020 and about 500 jobs in various sectors were up for grabs. The one-day career guidance carnival was hoped to be able to help individuals who lost their jobs rebuild their careers, match those who are in need of job with suitable employers. The carnival offered interview sessions, employers' briefings, resume workshops, labour advice and counselling services, as well as finance management consultancy. Participants were also eligible to participate and register with the Selangor government's Peduli Rakyat initiative. The 2020 Pandan Job Fair that was held at Midpoint Shopping Complex, Pandan Indah was officiated by Pandan Member of Parliament, Dato' Seri Dr Wan Azizah binti Wan Ismail. Also present was Dato' Hj. Abu Hamid bin Hussain, MPAJ's President.



## AUDIT ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA (MSOSH)

MSOSH adalah anugerah tahunan yang diberikan kepada organisasi di Malaysia yang berjaya membuktikan bahawa mereka mempunyai prestasi peralihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang cemerlang. Organisasi yang dikenalpastikan akan melalui proses audit semakan dokumen dan lawatan tapak oleh panel juruaudit MSOSH yang berkelayakan agar dapat dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Teknikal MSOSH untuk anugerah yang bersangkutan. Puan Salmah binti Tuah dan En. Yusoff bin Puteh telah menjalankan audit di Menara MPAJ pada 12 Ogos 2020. Dokumen telah dibentangkan oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan MPAJ. Lawatan tapak melibatkan kakitangan daripada beberapa jabatan dalaman. Temuduga diadakan dengan wakil pengurusan atasan, pegawai peringkat pertengahan dan kakitangan MPAJ. Diharapkan agar MPAJ mendapat pengiktirafan terbaik daripada audit yang telah berlangsung.



## AUDIT ON MALAYSIAN SOCIETY FOR OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (MSOSH) AWARD

MSOSH is an annual award presented to organizations in Malaysia with proven outstanding Occupational Safety and Health performance. Identified companies are subjected to stringent document and site verification audits by MSOSH panel of qualified and dedicated auditors in order to be considered by the MSOSH Technical Committee for the respective awards. Puan Salmah binti Tuah and En Yusoff bin Puteh were present at Menara MPAJ to perform the audit on 12 August 2020. Documents were presented by MPAJ's OSH committee. Site visit involved employees from various departments. Interviews were held with top level management, middle level management and workers of MPAJ. It is hope that MPAJ will get the best recognition from this audit.







## Majlis Lambaian Kasih Y.Bhg. Dato' Hj. Abd. Bin Hussain (2002 – 2020)



BERSEMPENA dengan perpindahan Y.Bhg. Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain ke Majlis Perbandaran Siepang bermula 1 September 2020, Majlis Lambaian Kasih telah dianjurkan pada 20 Ogos 2020 bagi menghargai jasa dan bakti beliau selama 18 tahun bertugas sebagai Setiausaha dan Yang Dipertua MPAJ. Majlis dimulakan dengan perjumpaan khas bersama semua pegawai peringkat Pengurusan & Professional, ketua kerani, Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dan Jawatankuasa Induk Kelab Sukan, Kebudayaan dan Kesenian (KESUKE) MPAJ. Dato' Hj. Abd. Hamid seterusnya diminta ke ruang galeri bagi menggantung sendiri portrait beliau di ruangan pameran Yang Dipertua MPAJ. Pendaftaran keluar kerja buat kali terakhir turut dirakamkan sebagai simbolik hari terakhir beliau di MPAJ. Beliau telah memeriksa barisan kehormat daripada anggota penguatkuasa sebelum berdebar meninggalkan Menara MPAJ. Terima kasih atas segala budi dan bakti yang telah ditaburkan sepanjang 18 tahun berkhidmat dengan MPAJ.





**Dato' Hj. Abd. Hamid Bin Hussain (2002 - 2020)**

A farewell ceremony for Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain was held on 28 August 2020 in conjunction with his transfer to Sepang Municipal Council effective 1 September 2020. The farewell ceremony was to appreciate his excellent 18-year service as Secretary and President of MPAJ. The ceremony began with a special meeting with all Management & Professional level officers, chief clerks, 'Majlis Bersama Jabatan' (MBJ) and MPAJ's Sports, Culture and Arts Club (KESUKE) main committee. Dato' Hj. Abd. Hamid was then escorted to the gallery to hang his own portrait together with other former Presidents of MPAJ. The final day clock out was also recorded as symbolic of his last day in MPAJ. He then inspected the enforcement's line of honor before leaving Menara MPAJ. Thank you for all the kindness and devotion that has been shown during the 18 years of service with MPAJ.

**Farewell Ceremony For Y.Bhg. Dato' Hj. Abd. Hamid Bin Hussain (2002 - 2020)**



# MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM

## PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA TAHUN 2020

### MPAJ INNOVATIVE AND CREATIVE CIRCLE (ICC) CONVENTION 2020



10 teams participated in the Innovative and Creative Circle (ICC) Convention 2020 that was held on 17 and 18 August 2020. All ICC products will represent MPAJ at state and region level. Three highly experienced panels were invited as judges that were En. Rosdi bin Osman, En. Ahmad Mashudi bin Alipiah and Puan Fauziah binti Zainal. Congratulations to all MPAJ's ICC activists.

SEBANYAK 10 pasukan kumpulan inovatif dan kreatif (KIK) telah menyertai Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat MPAJ yang berlangsung pada 17 dan 18 Ogos 2020. Produk-produk KIK yang dipertandingkan akan dipaparkan untuk diangkat mewakili MPAJ ke peringkat negeri dan wilayah mengikut kesesuaian. Tiga orang panel yang berpengalaman luas dalam KIK Muzium Baharu telah dijemput iaitu En. Rosdi bin Osman, En. Ahmad Mashudi bin Alipiah dan Puan Fauziah binti Zainal. Tahniah kepada semua penggiat KIK MPAJ.

- Juara / 1st place
- Naib juara / 2nd place
- Tempat ke-3 / 3rd place
- Fasilitator Terbaik / Best Facilitator
- Persembahan Terbaik / Best Performance
- Poster Terbaik / Best Documentation

- Kumpulan Syukur 7.0 dari Jabatan Belia Masyarakat Dan Landskap Interaktif dari Bahagian Audit Dalam
- Cyberwave dari Jabatan Perancangan Korporat
- En. Khairilazhar bin Ismail
- Kumpulan Syukur 7.0 dari Jabatan Belia Masyarakat Dan Landskap
- OS Team dari Bahagian Ukur Bahan



# PERHIMPUNAN BULANAN

Tarikh / Date  
Tempat / Venue  
Tema / Theme

19 Ogos 2020 / 19 August 2020  
Dataran Menara MPAJ  
Sambutan Hari Kemerdekaan  
Malaysia / Malaysia Independence  
Day Celebration  
Jabatan Undang-Undang / Legal  
Department





## KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA MAJLIS DAERAH MARANG (MDM)

TUAN Mohd Huzairil Nizam bin Ibrahim, Yang Dipertua Majlis Daerah Marang telah mengetuai lawatan 20 orang anggota penguatkuasa MDM ke MPAJ pada 24 Julai 2020. Delegasi hadir bagi menandaaras prosedur pelupusan kenderaan buruk yang dilaksanakan di MPAJ. Ucapan pembukaan telah disampaikan oleh Y.Bhg. Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain, Yang Dipertua MPAJ manakala sesi taklimat telah disampaikan oleh En. Mohamad Yusof bin Sulaiman, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan. Turut hadir Tuan Hj. Hasrolnizam bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua dan pegawai dalam MPAJ.



## VISIT FROM MARANG DISTRICT COUNCIL (MDM)

20 enforcement officers from Marang District Council (MDM) led by their President, Tuan Mohd Huzairil Nizam bin Ibrahim visited MPAJ on 24 July 2020. The delegates benchmark our old vehicles disposal procedure. Opening speech was delivered by Y.Bhg. Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain, MPAJ's President while the presentation was done by En. Mohamad Yusof bin Sulaiman, Director of Administration Department. Also present was Tuan Hj. Hasrolnizam bin Shaari, Vice President and officials of MPAJ.







## LAWATAN PLAN MALAYSIA KE PROJEK 'SHOWCASE TRANSIT ORIENTED DEVELOPMENT' (TOD) DI STESEN LRT CEMPAKA



SEKAMAI 5 orang pegawai daripada PLAN Malaysia telah mengadakan lawatan ke 'Showcase Transit Oriented Development' (TOD) di stesen LRT Cempaka pada 4 Ogos 2020. Tujuan lawatan adalah untuk mengchalajasi kajian 'outcome' daripada projek TOD LRT Cempaka. Sesi lawatan turut dihadiri oleh Tuan Hj. Hasminizam bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua MPAJ.

### **VISIT FROM PLAN MALAYSIA TO SHOWCASE TRANSIT ORIENTED DEVELOPMENT (TOD) PROJECT @ CEMPAKA LRT STATION.**



3 officials from PLAN Malaysia pay a visit to Showcase Transit Oriented Development (TOD) project @ Cempaka LRT Station on 4 August 2020. The purpose of the visit is to identify the outcome from the TOD project. Also present was Tuan Hj. Hasminizam bin Shaari, MPAJ's Vice-President.



## KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA NEGERI SELANGOR

MPAJ telah menerima kunjungan hormat daripada Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor pada 20 Julai 2020. Objektif utama lawatan tersebut adalah untuk membincangkan hala tuju pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (MyCensus2020) peringkat daerah Hulu Langat dan Gombak. Kunjungan tersebut disambut oleh Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain, Yang Dipertua MPAJ, Tuan Hj. Hasrolnizam bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua, dan beberapa orang ketua jabatan dalaman MPAJ.

## OFFICIAL VISIT FROM SELANGOR'S STATISTIC DEPARTMENT OF MALAYSIA

MPAJ was visited by Selangor's Statistic Department of Malaysia on 20 July 2020. The main objective was to discuss on implementation of Malaysian Population and Housing Census 2020 (MyCensus2020) for Hulu Langat and Gombak district. The delegates were entertained by Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain, MPAJ's President, Tuan Hj. Hasrolnizam bin Shaari, Vice President, and a few internal head of departments.



# KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH HULU LANGAT

Seramai 4 orang pegawai daripada Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat diketuai oleh Tuan Hj. Arhain bin Pinni, Pegawai Pendidikan Daerah Hulu Langat telah mengadakan kunjungan hormat ke MPAJ pada 1 Jun 2020. Kunjungan itu bertujuan untuk menyampaikan sijil penghargaan kepada Y.Bhg. Dato' Hj. Abd. Hamid

bin Hussain selaku yang Yang Dipertua MPAJ yang telah banyak memberi bantuan dan sokongan kepada sekolah-sekolah di kawasan pentadbiran MPAJ. Turut hadir adalah Tuan Hj. Hasrolnizam bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua MPAJ serta ketua jabatan dalaman MPAJ.

## VISIT FROM HULU LANGAT DISTRICT EDUCATION OFFICE



4 officials from Hulu Langat District Education Office lead by Tuan Hj. Arhain bin Pinni, Hulu Langat District Education Officer visited MPAJ on 1 June 2020. The visit was to hand over certificate of appreciation to Y.Bhg. Dato' Hj. Abd. Hamid bin Hussain as MPAJ's President who has been very supportive in helping and collaborating with schools in MPAJ area. Also present were Tuan Hj. Hasrolnizam bin Shaari, MPAJ's Vice President and internal head of departments





# JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN

DEMI KELANGSUNGAN  
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

**SILA LAYARI PAUTAN**  
<https://icomm.mpaj.gov.my>  
**TIADA PENGEPOSAN BIL CUKAI**  
**TAKSIRAN MULAI TAHUN 2020**

